

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HSC 223 - Sejarah Asia Timur

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan - DUA [2] daripada Bahagian A dan DUA [2] daripada Bahagian B.

Bahagian A:

1. Merujuk kepada tempoh dari kurun ke-7 hingga kurun ke-14, bandingkan perkembangan sejarah Jepun dengan perkembangan sejarah Cina dalam tempoh tersebut.
2. "Cina tradisional lebih mengutamakan golongan cendekiawan manakala Jepun tradisional pula lebih mengutamakan golongan tentera". Huraikan.
3. Bilakah "feudalisme" wujud di Cina dan di Jepun dan sejauh manakah istilah "feudalisme" itu sesuai digunakan untuk menerangkan negara dan masyarakat Cina dan Jepun dalam tempoh tersebut?
4. "Penulisan sejarah tidak mungkin berlaku di Jepun tanpa pengaruh daripada Cina. Oleh yang demikian, pensejarahan tradisional Jepun tidak banyak berbeza daripada pensejarahan tradisional Cina". Bincangkan.

Bahagian B:

5. Dengan secara kritis bincangkan pengaruh aliran Kungfutzu dalam masyarakat Cina tradisional.
6. Sejauh manakah Jepun pada zaman Tokugawa berbeza daripada Jepun dari kurun ke-12 hingga kurun ke-16?

...2/

7. "Cina sesungguhnya banyak terhutang budi kepada orang-orang gasar. Tanpa orang gasar Cina sebelum abad ke-19 tidak mungkin menjadi seluas dan seunggul kewujudannya dalam sejarah". Nilaiikan pandangan ini.
8. Bincangkan perubahan-perubahan penting yang dilakukan oleh golongan pemerintah Jepun pada kurun ke-7 dan ke-8 Masehi dan sejauh manakah perubahan-perubahan itu meninggalkan kesan kepada perkembangan sejarah Jepun seterusnya.

-- oo000oo --